

PROGRAM PEMBANGUNAN RMK-7 (1996 – 2000)

Dengan bermulanya Rancangan Malaysia ke-7 (RMK-7), teras dasar pembangunan negara bukan sahaja menekankan kepentingan mengekalkan pertumbuhan yang tinggi, malah aspek pembangunan yang lain seperti keadilan sosial, kualiti hidup dan kestabilan politik dengan nilai sosial dan kerohanian yang positif serta menyeluruh turut diberi penekanan yakni menjadi tonggak usaha pembangunan negara. Sungguhpun tumpuan ke atas isu ekonomi adalah penting, usaha pembangunan melangkaui lebih daripada lingkungan dimensi ekonomi semata-mata supaya merangkumi juga aspek kerohanian bagi mewujudkan masyarakat yang teguh dan bersatu padu dengan nilai kekeluargaan yang kukuh, disiplin diri yang tinggi serta menghayati seni dan budaya.

Objektif pembangunan wilayah secara keseluruhannya adalah untuk memastikan pencapaian pembangunan yang lebih seimbang menerusi pengagihan manfaat pembangunan secara lebih saksama di antara dan di dalam negeri menerusi usaha mengekalkan momentum pertumbuhan terutamanya di negeri kurang maju dengan memberi tumpuan kepada penggunaan sumber secara produktif dan cekap terutamanya sumber yang belum diterokai lantas meningkatkan potensi ekonomi negeri dan wilayah.

Pembangunan Pertama

Dalam RMK-7 ini, Syarikat telah mengorak langkah baru apabila mengambilalih peranan Sabah Urban Development Corporation (SUDC) dengan membangunkan rumah kedai pertamanya di Kg Gramma, Beaufort. Perkembangan tersebut sedikit tertumpu di Pedalaman Bawah apabila 12 unit rumah kedai telah dibangunkan di Mempakul, Menumbok diikuti di daerah Sipitang.

Walau bagaimanapun Syarikat meneruskan misi untuk meluaskan rangkaian capaian penduduk tempatan di Sabah untuk memiliki kedai sosio-ekonomi mampu milik dengan membawa pembangunan ke Pantai Timur Negeri Di Bawah Bayu melalui zon Pedalaman dengan pembinaan 14 unit rumah kedai di Tongod, seterusnya disusuli dengan Kota Kinabatangan, Tungku di Lahad Datu sehingga ke Apas Balung, Tawau.

Program Pembangunan dan Implikasi Sosio Ekonomi Setempat

Satu ketika dahulu, Pekan Kinabatangan yang menghubungkan jalan darat Kota Kinabalu / Sandakan dan Lahad Datu / Tawau hanya menjadi lintasan kenderaan yang melalui kawasan tersebut. Menyedari potensi pembangunan daerah ini, Syarikat memulakan kerja-kerja pembangunan dengan mendirikan enam (6) unit rumah kedai mampu milik di kawasan tersebut. Hasil daripada perkembangan ekonomi yang semakin rancak dipacu oleh pembangunan awal tersebut, Syarikat telah meneruskan pembangunan dengan menambah jumlah unit lot kedai sehinggalah ke RMK-8.

Perkembangan aktiviti ekonomi yang sebelumnya tidak dirasai oleh warga penduduk yang melintasi kawasan tersebut meningkat dan ketara sehinggalah ada ketikanya pegawai syarikat yang bertugas menghadapi kesukaran untuk mendapatkan petak letak kereta di pekan tersebut.

Memandangkan potensi yang baik, Syarikat bercadang memohon peruntukan lanjut daripada Kerajaan Persekutuan untuk meneruskan rancangan pembangunan di pekan tersebut pada tahun 2014.



Pekan Kinabatangan & Pekan Baru Kinabatangan

**RANCANGAN MALAYSIA KE-7
(1996 – 2000)**

No.	Tanda Peta	Projek	Unit
1	●	Gramma, Beaufort	2 x 1
2	●	Mempakul, Menumbok	12 x 2
3	●	Sipitang	12 x 2
4	●	Tongod	14 x 1
5	●	Kota Kinabatangan	6 x 2
6	●	Tungku, Lahad Datu	6 x 1½
7	●	Apas Balung, Tawau	10 x 1

